TIMBALAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA HULUR BANTUAN KEMANUSIAAN DAN BENCANA KEPADA FILIPINA SUSULAN SIKLON TROPIKA TRAMI

Puluhan ribu penduduk di Filipina terus terjejas akibat banjir besar yang berpunca daripada hujan lebat yang bersamaan jumlah hujan dua bulan dalam tempoh hanya dua hari di beberapa kawasan. **Siklon Tropika Trami** yang kini berundur ke laut telah mengakibatkan sekurang-kurangnya 40 kematian, dan ribuan mangsa masih terperangkap di atas bumbung rumah mereka.

Laporan ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on disaster management (AHA Centre) merekodkan 7 kematian, 197,000 mangsa dipindahkan dan kira-kira 2.8 juta penduduk terjejas akibat bencana ini.

Pada 24 Oktober 2024, Kerajaan Filipina telah mengemukakan Nota Diplomatik kepada Kedutaan Malaysia di Manila untuk bantuan kemanusiaan dan bencana dalam bentuk aset udara dan logistik untuk penghantaran barangan bantuan ke kawasan yang terjejas bencana.

Susulan itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama-sama Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri, Angkatan Tentera Malaysia, dan Malawakil Malaysia di Filipina telah melaksanakan koordinasi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (HADR).

Sebagai tindakan segera, Malaysia telah menawarkan kepada Filipina satu pesawat C-130 Hercules bagi tujuan mobilisasi udara barangan bantuan ke kawasan-kawasan yang terjejas serta pasukan SMART yang bersedia membantu dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR).

Malah hari ini, Malaysia telah menghantar satu aset udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) iaitu Helikopter EC725 bersama 16 anak kapal untuk misi bantuan kemanusiaan dan bencana. Pasukan ini berlepas dari Pangkalan Udara Labuan dan telah tiba Pangkalan Udara Villamor di Manila pada jam 2.48 petang (gambar). Tempoh penugasan adalah selama 8 hari, bermula 26 Oktober hingga 2 November 2024.

Seluruh rakyat Malaysia mendoakan agar keadaan di Filipina segera pulih dan segala usaha bantuan yang diberikan dapat membantu meringankan beban mangsa-mangsa yang terjejas. Malaysia komited untuk bekerjasama erat dengan Kerajaan Filipina dalam misi bantuan kemanusiaan ini.

Ahmad Zahid Hamidi
Timbalan Perdana Menteri
Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara
26 Oktober 2024